



MODUL PENGAJARAN ELEMEN IRAMA MELALUI PERMAINAN REBANA UBI

MOHD ZAKI BIN ISMAIL



**KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN MUZIK**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK UNIVERSITI
PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2010





PENGAKUAN

Saya mengaku kajian ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan
setiap satunya saya jelaskan sumbernya



3 OKTOBER 2010

MOHD ZAKI BIN ISMAIL
M20082000240





DECLARATION

I hereby declare that the work in this dissertation is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledged.



3 OKTOBER 2010

MOHD ZAKI BIN ISMAIL
M20082000240





PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Penyayang. Pertama sekali, saya mengucapkan syukur kepada Tuhan kerana telah mengurniakan kesihatan dan kekuatan sehingga saya dapat menyiapkan kertas projek ini dengan sewajarnya bagi memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Muzik.

Pada kesempatan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan yang khusus dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Prof. Madya Zaharul Lailiddin bin Hj. Saidon yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, bantuan dan juga bahan-bahan kepada saya dalam usaha menyiapkan projek ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga buat semua pensyarah dan kakitangan UPSI yang secara langsung dan tidak langsung telah mencurahkan ilmu dan bantuan mereka dalam tempoh pembelajaran saya di UPSI.



Terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan juga kepada En. Husin bin Yahya dari Pasukan Rebana Ubi Sri Petani di Kg. Sering, Kota Bharu, Kelantan dan juga En. Mohd Jusoh Bin Isa Pengerusi Pasukan Rebana Ubi Kg. Ana, Tumpat, Kelantan yang banyak membantu saya dalam menyiapkan projek ini.

Ucapan terima kasih juga kepada rakan-rakan dan semua yang terlibat dalam menyiapkan projek ini. Akhir sekali tidak dilupakan penghargaan dan terima kasih tidak terhingga buat isteri dan anak-anak yang telah banyak membantu dan sentiasa memberi galakan sepanjang tempoh pengajian. Hanya Allah (s.w.t) jua yang dapat membalas dan menyaksikan segala jasa dan bantuan yang telah diberikan. Diharapkan semoga Allah (s.w.t) memberkati usaha yang dilakukan ini.





ABSTRAK

Laporan projek pembangunan ‘Modul Pengajaran Elemen Irama Melalui Permainan Rebana’ ini disediakan untuk memenuhi keperluan kursus SPM 6006 dalam Program Sarjana Pendidikan Muzik, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Penghasilan produk ini adalah bertujuan untuk membantu dan menyediakan pilihan bahan pengajaran kepada sekolah-sekolah yang sedang melaksanakan Kurikulum Pendidikan Muzik KBSM. Produk ini disediakan khusus untuk guru-guru muzik yang ingin mempelbagaikan bahan pengajaran elemen irama dan tidak hanya bergantung kepada alat-alat moden yang dibekalkan sahaja. Dalam pada itu penghasilan produk ini akan dapat menyumbang kepada pengekalan warisan budaya. Produk ini dibangunkan dengan berpanduan struktur buku Gaya Dewan. Untuk tujuan penilaian produk yang dihasilkan, temu bual telah dijalankan dengan 3 orang guru muzik yang masing-masing mempunyai pengalaman mengajar melebihi 10 tahun. Dapatan daripada temu bual menunjukkan bahawa semua responden bersependapat dan bersetuju dengan semua aspek dalam produk yang telah dibangunkan. Namun begitu masih juga terdapat sedikit kelemahan dalam penghasilannya. Akan tetapi cadangan untuk penambahbaikan bagi mengatasi kelemahan tersebut turut dibincangkan dalam bahagian akhir penulisan ini.





ABSTRACT

The report of the development project of 'Modul Pengajaran Elemen Irama Melalui Permainan Rebana' was prepared to meet the need for SPM 6006 course in Program Sarjana Pendidikan Muzik, UPSI. The aim of product development is to help and provide instructional material choices to schools which are implementing 'Kurikulum Pendidikan Muzik KBSM'. This product is specially to cater for music teachers who wish to vary the instructional rhythm materials elements and do not solely depend to modern material provided. This end product will also be able to contribute the heritage retention culture. This product is developed by the guided book structure Gaya Dewan. For the evaluation of the products that has been produced, interviews were conducted with 3 music teachers who had more than 10 years teaching experience. The results of the interviews showed that all the respondent agreed with all this end product conducted. There are a few weaknesses in producing it. However suggestions on how to overcome the problems have also been discussed at the end of the writing.



KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

Perakuan	ii
Declaration	iii
Penghargaan	iv
Abstrak	v
Abstract	vi
Kandungan	vii
Senarai Jadual	x
Senarai Rajah	xi

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	
		1
1.2	Latar Belakang Projek	4
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Tujuan Projek	6
1.5	Kepentingan Projek	6
1.6	Batasan projek	7
1.7	Definisi Istilah	8
	1.7.1 Muzik	8
	1.7.2 Irama	9
	1.7.3 Pengajaran	9
	1.7.4 Pembelajaran	10
	1.7.5 Rebana Ubi	11
1.8	Rumusan	12

BAB 2 PROSEDUR MEMBANGUNKAN PRODUK

2.1	Pengenalan	14
2.2	Mendapatkan dan Mengumpulkan Maklumat ataupun Data Berkaitan Rebana Ubi	14
2.2.1	Temu Bual	14
2.2.1	Pemerhatian	16
2.2.3	Rakaman Video	17
2.3	Mengklasifikasikan Maklumat Ataupun Data Yang Diperolehi Mengikut Tema dan Kategori	18
2.4	Menetapkan Topik Berdasarkan Tema atau Kategori	18
2.5	Menulis Manuskrip dan Data Mengikut Kategori atau Kandungan Topik Yang Telah Ditetapkan	19
2.6	Menyunting Manuskrip dan Data Mengikut Kategori atau Kandungan Topik Yang Telah Ditetapkan	20
2.7	Kerangka Kerja Penghasilan Projek	21
2.8	Rumusan	22

BAB 3 HURAIAN PRODUK

3.1	Pengenalan	24
3.2	Bentuk dan Objektif Produk Yang Dibangunkan	25
3.3	Isi Kandungan Modul Pengajaran Elemen Irama Melalui Permainan Rebana Ubi	26
3.4	Rumusan	50

BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN PRODUK

4.1	Pengenalan	51
4.2	Latar Belakang Responden	51

4.3	Analisis Dapatan Temu Bual	53
4.3.1	Pengalaman Sebagai Guru Muzik dan Penglibatannya Dalam Permainan Rebana Ubi	54
4.3.2	Modul Pengajaran Elemen Irama Melalui Permainan Rebana Ubi Boleh Digunakan Secara Pembelajaran Kendiri	55
4.3.3	Tanggapan Awal Responden ke Atas Modul Pengajaran Elemen Irama Melalui Permainan Rebana Ubi	56
4.3.4	Kesesuaian Susunan Topik-topik Modul Pengajaran Elemen Irama Melalui Permainan Rebana Ubi	57
4.3.5	Penerangan Yang Lengkap dan Disusuli Dengan Gambar-gambar	58
4.4	Kesesuaian Permainan Rebana Ubi di Sekolah Menengah	59
4.5	Rumusan	62

BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	63
5.2	Ringkasan Produk	64
5.3	Fungsi-Fungsi Produk	67
5.4	Sasaran Pengguna	67
5.5	Perbincangan Kekuatan dan Kelemahan Modul Pengajaran Elemen Irama Melalui Permainan Rebana Ubi	68
5.5.1	Kekuatan Produk Yang Dibangunkan	69
5.5.2	Kelemahan Produk Yang Dibangunkan	71
5.6	Cadangan-cadangan	73
5.7	Rumusan	75

RUJUKAN	77
----------------	----

LAMPIRAN



SENARAI JADUAL

Rajah		Halaman
Rajah 3.1	Isi Kandungan Produk	28
Rajah 4.1	Latar belakang responden	52
Rajah 5.1	Susun atur bahagian teks	65





SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
Rajah 2.1	Model kerangka kerja menghasilkan projek	22
Rajah 3.1	Temalang	37
Rajah 3.2	Temalang dipasang dengan belulang	38
Rajah 3.3	Bahagian berbunyi <i>tak</i>	40
Rajah 3.4	Teknik paluan <i>tak</i>	41
Rajah 3.5	Bahagian tengah rebana ubi berbunyi <i>dung</i>	42
Rajah 3.6	Teknik untuk menghasilkan bunyi <i>dung</i>	43
Rajah 3.7	Teknik paluan dung dengan pemalu	44
Rajah 3.8	Bahagian uji minda	45
Rajah 3.9	Bahagian aktiviti	46
Rajah 3.10	Bahagian rumusan	47
Rajah 3.11	Latihan irama dalam meter duaan	49



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Negeri Kelantan memang terkenal dengan pelbagai warisan seni dan budayanya. Salah satu seni budaya yang masih dipertahankan lagi ialah rebana ubi. Rebana ubi dimainkan di kampung-kampung yang mana dikelilingi oleh sawah padi. Oleh itu rebana ubi dimainkan oleh masyarakat petani pada sebelah petang atau malam serta masa lapang mereka apabila tidak ke sawah.

Permainan tradisional melayu ini memang popular di kalangan masyarakat di negeri Kelantan dan dipersembahkan dengan memainkan lagu-lagu dalam cerita wayang kulit, menyambut tetamu dan orang kenamaan serta sebagai pertandingan dalam pesta rebana ubi di negeri Kelantan.

Permainan rebana ubi walaupun sudah kurang popular pada masa sekarang tetapi pasukan rebana ubi masih ada pasukan pelapis iaitu generasi baru dan masih dimainkan di kebanyakan kampung-kampung sebagai sebuah pasukan. Biasanya rebana ubi juga dimainkan untuk persembahan kepada pelancong-pelancong yang berkunjung ke negeri Kelantan dan dimainkan di Gelanggang Seni di Bandar Kota Bharu.

Menurut Abdul Hamid Adnan (2004), semua muzik tradisional sama ada yang lahir daripada tradisi kecil mahupun besar mempunyai fungsi dan kegunaan yang tersendiri. Peranan muzik ini bukan sahaja untuk menyatukan masyarakat melalui kegiatan sosial yang dipraktikkan, malah muzik tradisional dapat memantapkan budaya tempatan dengan ciri-ciri yang tersendiri.

Pendapat ini bertepatan dengan kata-kata Patricia Matusky dan Tan Sooi Beng yang menyatakan bahawa permainan rebana ubi dipersembahkan di majlis-majlis perkahwinan dan keramaian di kampung-kampung serta untuk memeriahkan lagi pertandingan-pertandingan di antara kampung-kampung pada musim menuai. (Patricia Matusky dan Tan Sooi Beng, 1997)

Selaras dengan itu Kementerian Pelajaran telah menggubal Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah bertujuan untuk memperkembangkan potensi, kebolehan dan kualiti diri individu dari aspek nilai estetika muzik dan etika melalui pelbagai pengalaman muzik ke arah meningkatkan kesejahteraan dan keharmonian hidup. Kurikulum baru ini memasukkan muzik tradisional seperti kompang, gamelan dan caklempong ke dalam

sukatannya yang akan dipelajari secara formal dan muzik tradisional lain boleh dipelajari mengikut negeri masing-masing. Oleh yang demikian semua muzik tradisional yang terdapat di Malaysia boleh dipelajari dan diajar di sekolah-sekolah. Dengan itu rebana ubi merupakan sejenis muzik tradisional yang popular satu masa dahulu perlu diberi perhatian semula.

Dengan demikian muzik ini boleh diperkenalkan di sekolah-sekolah dan diajar secara tersusun serta teratur terutamanya kepada pelajar di sekolah menengah rendah. Di samping itu juga usaha ini perlu dilakukan untuk mengekalkan identiti bangsa dan seni budaya. Salah satu langkah yang perlu diambil ialah dengan membina modul-modul pengajaran berasaskan kurikulum bersepadu sekolah menengah (KBSM) iaitu untuk permulaan pelajar di menengah rendah, tingkatan 1, 2 dan 3. Percubaan kepada modul pengajaran ini boleh menarik minat pelajar untuk mempelajari muzik tradisional setempat dan mengekalkan terus permainannya dalam masyarakat.

Dengan hasrat ini saya melihat ke hadapan betapa perlunya modul pengajaran berkaitan muzik rebana ubi di sekolah. Justeru dengan kepentingan itu saya menghasilkan “Modul Pengajaran Elemen Irama melalui permainan Rebana Ubi”.

1.2 Latar Belakang Projek

Projek membina 'Modul Pengajaran Elemen Irama melalui Permainan Rebana Ubi' secara tidak langsung akan dapat memperkenalkan semula permainan rebana ubi di samping mengekalkan warisan seni dan budaya. Di samping itu juga dapat mengekalkan permainan tradisi dan terus diterima pelajar serta masyarakat. Ini penting untuk mempertingkatkan dan memartabatkan seni budaya selaras dengan identiti muzik kebangsaan.

Pengajaran dan pembelajaran muzik di sekolah boleh dibangunkan dengan mengambil sumber-sumber dan bahan-bahan dari muzik tempatan dan disesuaikan dengan teknik pengajaran moden. Pembinaan 'Modul Pengajaran Elemen Irama Melalui Permainan Rebana Ubi' akan dapat mempopularkan semula permainan rebana ubi kepada pelajar di sekolah dan mendapat perhatian masyarakat untuk memperkembangkan warisan seni dan budaya.

Keperihatinan ini akan dapat memberi sumbangan yang penting kepada pendidikan muzik dan memperkembangkan bakat pelajar dalam muzik tradisional. Mencintai seni dan bekerjasama dalam pasukan dan boleh mencerminkan sebuah masyarakat Malaysia yang bersatu, berhemah tinggi, berketerampilan dan bersedia untuk kemajuan negara di masa akan datang.



1.3 Pernyataan Masalah

Dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Muzik Menengah Rendah mengikut semakan pada tahun 2004 memasukkan ensembel pilihan di bawah aspek Pengalaman Muzikal. Mengikut isi kandungan sukatan ini keistimewaan diberi kepada guru-guru untuk memilih mana-mana ensembel yang akan diajarnya yang mana bersesuaian dengan pelajar dan bercirikan masyarakat setempat. Oleh itu mana-mana muzik tradisional yang pernah dimainkan dan boleh diterima oleh masyarakat pada hari ini boleh diajar di sekolah.

Pembinaan modul-modul pengajaran berkaitan muzik tradisional dirasakan perlu kerana muzik tradisional mempunyai kekurangan buku-buku bahan-bahan yang sesuai yang boleh digunakan dalam pengajaran. Walaupun usaha-usaha telah giat dijalankan untuk menambah koleksi bahan seperti Buku Panduan Pengajaran Elemen Irama Melalui Permainan Kertok oleh Saufi Bin Abdullah (2009), Modul Pengajaran Wayang Kulit Dalam Bilik Darjah oleh Mohd Aswawi Isa(2009), CD multimedia interaktif permainan kompang komtemporari oleh Mohamad Isa bin Ramlan (2009) dan CD Multimedia Interaktif Permainan Alatan Muzik Dikir Barat oleh Nik Nasharuddin Bin Awang (2010).

Namun begitu usaha-usaha perlu diteruskan untuk menambah bahan-bahan yang ada kepada beberapa jenis muzik yang lain dan belum diteroka. Dengan kesedaran ini saya mengambil langkah untuk menambah koleksi bahan dengan membina 'Modul Pengajaran Elemen Irama Melalui Permainan Rebana Ubi'.





1.4 Tujuan Projek

Pembinaan ‘Modul Pengajaran Elemen Irama dan Warna Ton Dalam Ensembel Rebana Ubi’ adalah berdasarkan beberapa objektif dan diantara objektif adalah seperti berikut:

1. Menyediakan satu modul pengajaran elemen irama melalui permainan rebana ubi yang boleh dipelajari dengan cara pembelajaran sendiri
2. Menyediakan satu modul pengajaran elemen irama dan warna ton dalam ensembel rebana ubi untuk memberi kemudahan kepada guru muzik yang boleh digunakan dalam bilik darjah.
3. Mendapatkan maklumat dan maklum balas daripada guru-guru muzik terhadap produk yang telah dibangunkan.



1.5 Kepentingan Projek

- i. Hasil projek ini diharapkan dapat membantu dan menyediakan pilihan bahan pengajaran kepada sekolah-sekolah yang sedang melaksanakan Kurikulum Pendidikan Muzik KBSM.
- ii. Hasil projek ini akan membolehkan guru muzik mempelbagaikan bahan pengajaran untuk mengajar elemen irama dan tidak hanya bergantung kepada alat-alat moden yang dibekalkan sahaja.





- iii. Hasilan projek ini juga akan menyumbang kepada pengekaln warisan budaya. Guru-guru dan pelajar akan memartabatkan permainan muzik tradisional apabila guru mengajar elemen irama melalui permainan rebana ubi.

1.6 Batasan projek

Projek ini dibataskan oleh tiga aspek utama iaitu kaedah pembinaan projek, teknik permainan rebana ubi dan urutan latihan pembelajaran irama melalui permainan permainan rebana ubi. Pembinaan projek ditumpukan kepada ciri-ciri pembinaan projek yang berkesan untuk tujuan pembelajaran irama melalui permainan rebana ubi. Projek ini dibina melalui adunan visual, teks dan animasi

Teknik permainan rebana ubi yang dipersembahkan dalam bentuk visual dan juga video meliputi pengendalian persembahan, teknik bermain dan latihan asas merupakan rakaman yang dijalankan ke atas dua orang penggiat seni rebana ubi di Kg. Sering, Kota Bharu, Kelantan dan beberapa orang penggiat seni rebana ubi dari Kg. Ana Tumpat. Di samping itu juga, teknik permainan rebana ubi yang berbentuk teks diambil menerusi bahan-bahan yang sedia ada dalam buku seperti Muzik Malaysia; Tradisi Klasik, Rakyat dan Sinkretik; Patricia Matusky dan Tan Siew Beng (2004).



Dalam memahirkan satu-satu latihan irama, susunan latihan asas permainan rebana ubi ditulis menggunakan *Sibelius*, *print screen*, dipotong menggunakan *paint* dan dipersembahkan melalui *Microsoft Word*. Contoh-contoh latihan irama pula diambil dari Buku Sumber dan Aktiviti Pendidikan Muzik KBSM Tingkatan Satu; Kementerian Pendidikan Malaysia (1998), Bermesra Dengan Kompang; Unit Kurikulum JPN Perak (2004), Asas Pendidikan Muzik 1; Mastor Hj Jarkaseh (2007) dan Asas Pendidikan Muzik II; Mohd Azam Sulong dan Mastor Hj Jarkaseh (2009).

1.7 Definisi Istilah

1.7.1 Muzik

Pengertian muzik dalam konteks tradisional Melayu ialah bunyi yang berterusan yang dihasilkan dari gesekan, ketuk, pukulan dan tiupan yang dikeluarkan dari sentuhan dua atau lebih benda yang bergerak. Oleh kerana bunyi itu disusun, maka terjadilah beraneka muzik yang beridentitikan pengaruh alam sekeliling pencipta muzik itu (Mohd Nasir Mohamed, 2000).

Dalam konteks projek ini, muzik membawa maksud bunyi yang dihasilkan melalui paluan dari permukaan rebana samada dengan tangan atau pemalu. Aktiviti muzik yang diaplikasikan dalam ‘Modul Pengajaran Elemen Irama Melalui Permainan Rebana Ubi’ yang bertujuan untuk memperolehi pengetahuan dan kemahiran dalam memainkan sesuatu pola irama.



1.7.2 Irama

Irama merupakan satu elemen asas dalam konsep muzik. Satu-satu irama terhasil daripada suatu susunan bunyi yang disebut pola irama. Dalam sesuatu pola irama terdapat beberapa faktor yang ada kaitan dengannya seperti tempo masa (duration), detik, tekanan detik dan tempo. Susunan not-not dan gabungan tanda rehat yang tertentu akan menghasilkan pola-pola irama dan corak irama-corak irama yang menarik.

Dalam konteks projek ini, pelbagai pola irama telah dimuatkan dalam ‘Modul Pengajaran Elemen Irama Melalui Permainan Rebana Ubi’. Pola irama ini telah disusun daripada senang kepada semakin sukar. Pendekatan dan strategi ini digunakan supaya pelajar dapat belajar dan menguasai elemen irama melalui permainan rebana ubi.



1.7.3 Pengajaran

Pengajaran merupakan satu proses yang berkaitan dengan penyebaran ilmu pengetahuan atau kemahiran supaya pelajar dapat menguasai isi pelajaran dengan berkesan. Proses pengajaran juga melibatkan aktiviti-aktiviti latihan pelaziman, tunjuk ajar atau indoktrinasi yang akan menukar tingkah laku serta membawa ilmu pengetahuan dan kepercayaan baru kepada pelajar. Dalam hal ini pengajaran harus dilaksanakan dengan sistematik mengikut langkah-langkah yang sesuai seperti perancangan, pelaksanaan dan penilaian. (Mok Soon Sang, 1998). Dalam konteks projek ini, pengajaran membawa



maksud aktiviti atau proses yang diaplikasikan dalam pembangunan ‘Modul Pengajaran Elemen Irama Melalui Permainan Rebana Ubi’ yang bertujuan untuk memperolehi pengetahuan dan kefahaman dalam elemen irama.

1.7.4 Pembelajaran

Pembelajaran ialah proses di mana organ-organ deria manusia menerima rangsangan-rangsangan yang sesuai daripada persekitaran dan diproses dalam otak yang bertukar menjadi pengalaman atau ilmu pengetahuan dan akhirnya membawa kepada perubahan tingkah-laku manusia. Pendapat-pendapat ahli psikologi seperti Robert M. Gagne, Morgan dan King, Guy Le Francois dan Henry Clay Lindgran dan donn Byrne menyatakan bahawa pembelajaran mestilah mempunyai perubahan dalam sebarang tingkah laku. Adakalanya kekal dan stabil. (Mok Soon Sang 1998).

Pembelajaran juga satu proses memperolehi maklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat serta pembentukan sikap dan kepercayaan (Zarina, 2004). Menurut Kamus Dewan (2007), Pembelajaran ditakrifkan sebagai belajar mendapatkan ilmu pengetahuan dan menjalani latihan.

Dalam konteks projek ini, pembelajaran berlaku dengan guru menggunakan ‘Modul Pengajaran Elemen Irama Melalui Permainan Rebana Ubi’. Pelbagai pendekatan dan

strategi digunakan supaya pelajar dapat belajar dan menguasai elemen irama melalui permainan rebana ubi.

1.7.5 Rebana Ubi

Rebana ubi menurut Patria Matusky dan Tan Siew Bing (1997) ialah sejenis alat muzik yang menyerupai gendang rebana besar tetapi berukuran kecil sedikit. Badan atau baluh berbentuk kon dan satu muka kulit dipasang dengan gelang rotan tebal dan tali-tali rotan tambahan. Muka kulitnya ditegangkan dengan baji kayu panjang yang dimasukkan di bahagian bawah badan dram. Baluh rebana ini berukuran 55 sentimeter tinggi dan muka kulitnya bergaris pusat 68 sentimeter. Baji kayunya pula berukuran 40 sentimeter panjang. Alat ini dikategorikan dalam kelas membranofon.

Dalam konteks projek ini, rebana ubi dimaksudkan ialah sejenis alat muzik dipalu dengan menggunakan tangan dan pemalu. Alat ini menghasilkan dua ton bunyi iaitu bunyi *tak* dan *dung*. Bunyi *tak* terhasil apabila dipalu dibahagian tepi permukaan rebana dengan menggunakan tangan. Bunyi *dung* pula dapat dihasilkan dengan mmalu dibahagian tengah permukaan rebana dengan menggunakan tangan atau pemalu. Bunyi bung adalah bunyi yang rendah.



1.8 Rumusan

Secara keseluruhannya bab pengenalan ini menghuraikan latar belakang projek, pernyataan masalah, tujuan projek, kepentingan projek, batasan projek dan definisi istilah. Penghasilan projek ini akan dapat membantu mengurangkan masalah yang mungkin timbul dalam proses pengajaran dan pembelajaran muzik tradisional, khususnya permainan rebana ubi kepada pelajar-pelajar sekolah menengah. Diharapkan juga dengan penghasilan ‘Modul Pengajaran Elemen Irama Melalui Permainan Rebana Ubi’ ini boleh dijadikan panduan kepada pendidik muzik yang ingin mengaplikasikan muzik ensemble tradisional di sekolah masing-masing.

